

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI**
KAWASAN : **GOMBAK**
TARIKH : **25.5.2016 (RABU)**
NO. SOALAN : **57**

YB Dato' Seri Mohamaed Azmin bin Ali minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah peranan yang akan dimainkan oleh *Task Force* yang akan memantau pemulihan Proton selepas pemberian soft loan bernilai RM1.5 bilion oleh Kerajaan kepada Proton Holdings Berhad.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian pinjaman mudah bernilai RM1.5 bilion oleh Kerajaan kepada PROTON memperlihatkan kesungguhan Kerajaan dalam usaha mentransformasi dan memperkukuhkan PROTON. Usaha ini turut disokong dengan penubuhan Pasukan Petugas Khas (*Task Force*) yang diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) YBhg. Dato' Sri Idris Jala dan ahli-ahli yang terdiri daripada pihak Kerajaan dan swasta.

Pasukan Petugas Khas (*Task Force*) yang ditubuhkan oleh Kerajaan ini bermatlamat untuk memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif ke atas pelan pemulihan PROTON dan memastikan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan ke atas pinjaman mudah dipatuhi oleh PROTON tanpa mengambil alih fungsi pengurusan PROTON. Selain daripada itu, Pasukan Petugas ini juga dikehendaki meneliti model perniagaan PROTON pada masa lalu dan mengenal pasti kelemahan serta langkah-langkah untuk mengatasinya.

Antara syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan adalah, PROTON perlu menyakinkan kerajaan mengenai model perniagaan baharunya supaya perniagaannya berdaya maju dan berdaya saing. Selain itu, PROTON juga perlu mendapatkan rakan kongsi asing terkemuka yang akan membantu dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menjadi syarikat yang berdaya saing di peringkat antarabangsa. Pasukan Petugas Khas ini akan membantu usaha PROTON memastikan program transformasi PROTON ini berjaya.